

**KERTAS KERJA:**

**FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA : KEARAH  
KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN DUNIAWI DAN  
UKHRAWI**

**OLEH:**

**PENGIRAN DATO SERI SETIA DR. HAJI MOHAMMAD B. PENGIRAN HAJI  
ABD. RAHMAN**

**PENDAHULUAN**

Kertas ini bertujuan untuk memperjelas kandungan falsafah pendidikan negara kita Brunei Darussalam dan apakah matlamat yang hendak dituju oleh falsafah tersebut. Ini penting kerana suatu falsafah adalah merupakan hasil dari pemikiran yang mendalam dan jauh jangkaunya serta mempunyai ketahanan, kebenaran dan kekuatannya sendiri dalam menghadapi ujian zaman. Falsafah adalah tapak bagi pelancaran suatu perancangan yang besar dan dalam hal ini falsafah pendidikan bagi negara kita adalah merupakan tapak bagi membangunkan sistem pendidikan di negara ini dengan ciri-cirinya yang istimewa dan tersendiri.

Dalam hal ini kita amat bertuah dan beruntung kerana para cerdik pandai, ilmuwan, pemikir dan pihak-pihak yang berotoriti telah menggariskan suatu falsafah pendidikan yang matang, cantik, jitu dan bermutu sebagai asas yang kukuh untuk menuju kecemerlangan dalam segala bidang pembangunan di negara kita Brunei Darussalam.

**DEFINISI**

Untuk memahami apa itu falsafah, perkataan *falsafah* berasal dari bahasa Yunani yang terdiri dari dua perkataan iaitu *felo* bermakna *cinta*, sementara *sofia* bermakna *hikmat*. Maka perkataan *falsafah* bermakna *cinta hikmat*. Lalu perkataan *failasuf* bermakna *pencinta hikmat* (Lihat Dr. Muhammad Said Naim dan Dr. ‘Iwadhillah Hijazi, *al-Falsafah al-Islamiyyah*, hlm. 7).

Kamus Dewan memberi penerangan bahawa *falsafah* ialah pengetahuan tentang pengerian-pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi atau sebagai dasar ilmu-ilmu lain. Berfalsafah bermakna memikir secara mendalam tentang sesuatu (Dr. Teuku Iskandar, 1984 : 298).

*Pendidikan* dari akar kata *didik* bererti pelihara, jaga (dengan hati-hati), ajar. *Mendidik* bererti menjaga (memelihara dan sebagainya) dan melatih (mengajar dan lain-lain) baik-baik (Dr. Teuku Iskandar, 1984 : 262)

*Negara* ialah suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan di perintah oleh sebuah kerajaan (Dr. Teuku Iskandar, 1984 : 792).

Dari pengertian di atas dapatlah dirumuskan bahawa *Falsafah Pendidikan Negara* itu ialah pengetahuan tentang pengertian-pengertian yang dianggap sebagai dasar pemikiran, mengenai perihal pendidikan bagi negara kita Brunei Darussalam. *Falsafah* ini jika dihayati dan dipraktikkan sepenuhnya nescaya akan dapat melahirkan insan yang sempurna, berakhlak, berilmu, bertakwa dan berwibawa, serta dapat mewujudkan negara yang aman makmur, maju sejahtera serta bahagia dan yang peling penting sekali bagi menyelamatkan setiap individu sebagai hamba Allah, di dunia dan di akhirat.

## KANDUNGAN FALSAFAH

Pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan ilmu *naqli* dan ‘*aqli* kearah memperkembangan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertakwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja menurut *Ahlissunnah Waljamaah* sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan kepada agama, raja, dan Negara Brunei Darussalam (Lihat *Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan 1984-2003 dan Perancangan 20 Tahun Akan Datang 2004-2024, Kementerian Pendidikan*, 2004 : 8).

## INTISARI FALSAFAH

### 1. Pendidikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam usaha berterusan

Sebagai sebuah negara Islam yang merdeka dan berdaulat Brunei Darussalam tentulah perlu mempunyai sistem pendidikan kebangsaannya sendiri. Sistem pendidikan tersebut adalah merupakan usaha berterusan dengan mengambil kira keperluan duniawi dan ukhrawi. Dengan lain perkataan, bukan duniawi semata-mata dan bukan juga ukhrawi semata-mata. Tetapi bagi mana caranya sistem pendidikan itu dilaksanakan adalah tertakluk kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang berkenaan dan tentunya mendapat restu dari pucuk pimpinan negara.

Maksud berterusan di sini ialah secara *formal* dan *informal*. Bagaimana pun secara formalnya, Brunei mewajibkan pendidikan selama 12 tahun. Lebih dari tempoh itu Brunei masih menggalakkan seseorang itu belajar tanpa mengira had umur sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: “Tuntutlah ilmu sejak dari buaian hingga ke liang lahad”. Ini juga sesuai dengan firman Allah yang maksudnya: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka (Surah Al-Baqarah, Ayat 201).

## 2. Bersumberkan ilmu *naqli* dan ‘*aqli*

Ada dua sumber ilmu yang akan diperolehi oleh seseorang itu iaitu ilmu *naqli* dan ilmu ‘*aqli*. Ilmu *naqli* ialah ilmu yang datangnya dari Al-Quraan dan Al-Hadith, manakala ilmu ‘*aqli* adalah semua pengetahuan yang dikaitkan dengan akal fikiran dan rasional. Walau bagai mana pun secara konsep umumnya semua ilmu adalah kepunyaan Allah Subhanahu Wataala baik *naqli* atau pun ‘*aqli* kerana diri manusia itu sendiri adalah kepunyaan Allah, jadi segala apa jua yang dihasilkannya menerusi akal fikirannya adalah juga kepunyaan Allah. Bersumberkan kepada ilmu *naqli* dan ilmu ‘*aqli* Allah menyuruh kita melengkapkan diri dengan ilmu *fardu ain* dan ilmu *fardu kifayah*. Ilmu *fardu ain* adalah ilmu yang membolehkan kita dapat menyempurnakan kewajipan-kewajipan yang mesti dilaksanakan terhadap Allah. Sementara ilmu *fardu kifayah* ialah ilmu yang bertujuan untuk memelihara keperluan umum, untuk membangun masyarakat, negara dan dunia seperti ilmu kejuruteraan, ilmu perubatan, ilmu arkitek, ilmu perdagangan dan sebagainya.

## 3. Kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh

Dengan memperolehi ilmu *naqli* dan ilmu ‘*aqli* atau ilmu *fardu ain* dan ilmu *fardu kifayah*, maka akan mudahlah untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan tidak pincang, sebaliknya mempunyai syakhsiyah yang lohor dipandang dari aspek rohani, akhlak dan moral, akal dan jasmani yang memahami dan meyakini bahawa manusia tidak boleh lari dari kehidupan dunia dan ukhrawi. Sistem pendidikan kita Brunei Darussalam menyediakan tapak bagi kecemerlangan kehidupan *duniawi* dan *ukhrawi* itu.

## 4. Bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertakwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhhlak mulia

Matlamat dalam sistem pendidikan kita ialah bagi melahirkan insan dengan ciri-ciri yang disebutkan di atas iaitu:

- Memiliki ilmu pengetahuan dalam agama Islam dan ilmu-ilmu pengetahuan yang bersesuaian dengan kebolehan dan minat seseorang itu untuk dicurahkan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara

- Mempercayai akan kewujudan Allah dan mematuhi perintahnya dan berpegang kuat kepada ajaran agama.
- Mengerjakan amal ibadah dan kebajikan untuk dirinya, masyarakat, agama, bangsa dan negara.
- Memiliki kepandaian atau kemahiran hasil daripada ilmu pengetahuan yang dipelajari dan menggunakan dengan sebaik-baiknya agar tidak terpesong daripada landasan hidup yang diredhai.
- Menjalani kehidupan dengan mengamalkan cara hidup Islam yang sejati dengan mengerjakan segala suruhannya dan menjauhi segala larangannya.
- Bersifat jujur, ikhlas, setia dan boleh dipercayai dalam segala peranan yang dilaksanakan.
- Melaksanakan tugas dan peranan dengan sebaik-baiknya mengikut peraturan dan undang-undang, dan
- Mempunyai syakhsiyah diri yang terpuji dan berbudi pekerti tinggi sebagai pelengkap peribadi dengan mengenal pasti setiap perkara yang baik dan buruk serta kesan-kesannya.

(Lihat Kertas Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, hlm. 4-5).

Bagi saya ungkapan kata-kata tiga serangkai “*Berilmu, beriman dan beramal*” sangat tepat yang dapat dibuktikan kebenarannya iaitu seorang itu perlu diberi ilmu terlebih dahulu dan seafdhaf-afdhaf ilmu itu ialah mengenal Allah yang dikenalkan sejak mula seorang anak damit dilahirkan ke dunia dengan memperdengarkan “*Lafzul Jalalah*” itu ke telinganya seterusnya ilmu *fardu ain* itu diajarkan seawal yang mungkin. Setelah berilmu barulah datang *beriman* kerana bagaimana seseorang itu akan beriman jika ia tidak tahu siapa yang ia hendak beriman dengannya dan setelah beriman barulah timbul keinginan untuk *beramal* dengan amalan yang ikhlas.

Falsafah pendidikan kita juga menggalakkan kita “*berkepandaian*” atau dalam istilah sekarang ialah mempunyai “*kepakaran*”. Kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu memang sangat-sangat dihajati oleh negara kita. Hanya dengan mempunyai anak-anak tempatan yang berkepakaran di segala bidang akan dapat melonjakkan negara kita kehadapan bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Oleh itu anak watan yang cintakan tanah airnya mesti peka kepada matlamat ini dan bersedia berkorban masa dan tenaga untuk itu. Kepakaran itu apabila sudah dimiliki tidak seharusnya menimbulkan

**rasa sompong dan mendabik dada, sebaliknya menimbulkan rasa *tawadhu'* dan *taqwa* dengan ingatan bahawa semua ilmu dan kepandaian adalah milik Allah yang dipinjamkan kepada kita di mana kita perlu menyampaikan ilmu itu dengan penuh *amanah* dan *bertanggungjawab*. Amanah dan bertanggungjawab serta *berakhhlak mulia* adalah juga ciri utama yang ingin dilahirkan oleh sistem pendidikan kita kerana ciri-ciri ini banyak menyumbang kearah kencantikan dan keindahan *syakhsiyah* atau peribadi individu dan masyarakat dan kearah kemantapan negara.**

#### **5. Masyarakat berilmu dan berwawasan**

Lahirnya masyarakat berilmu dan berwawasan adalah merupakan hasil daripada pendidikan yang berterusan dengan meningkatkan mutu pendidikan dari semasa ke semasa serta kesedaran yang mendalam dan kecintaan kepada ilmu pengetahuan. Ilmu tidak pernah merugikan manusia kerana ilmu itu merupakan kunci tamadun. Tamadun tidak akan berubah tanpa ilmu. Negara tidak akan maju tanpa ilmu. Islam adalah satu-satunya agama yang sangat menggalakkan umatnya menuntut ilmu ke Timur dan ke Barat ke Utara dan ke Selatan. Al-Quraan sendiri mengangkat orang-orang atau masyarakat yang berilmu pengetahuan beberapa darjah (Surah Al-Mujadalah, Ayat 11). Masyarakat yang berilmu akan mempunyai wawasan, perancangan, strategi, inovasi, daya kreatif, daya saing dan daya juang yang tinggi. Sebaliknya masyarakat yang jahil yang taraf dan tahap ilmunya rendah akan beku, bisu dan tidak bermaya, ia tidak akan berani untuk berhadapan dengan cabaran-cararan kerana tidak punya senjata yang diperlukan iaitu *ilmu*.

#### **6. Keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat**

Insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertakwa, amanah dan bertanggungjawab serta berakhhlak mulia pasti akan membentuk keluarga yang bahagia, pasti akan mewujudkan masyarakat harmoni. Maka terhasillah sebuah negara yang makmur dan stabil. Adalah tidak mungkin sama sekali insan yang mempunyai ciri-ciri yang disebutkan di atas akan membawa bala bencana, kekacauan atau huru hara kerana perkara negatif hanya akan ditimbulkan oleh insan yang berciri negatif. Jika negara kita makmur dan stabil dan ekonomi pula berkembang baik, maka bukan kita hanya dapat menikmatinya sendiri, malah juga akan melimpah dan akan dapat dirasakan kesannya oleh jiran tetangga serantau dan tidak mustahil pula menjangkau sejagat dunia.

#### **7. Identiti kebangsaan berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahlissunnah Waljamaah**

Memiliki identiti kebangsaan bermaksud memiliki identiti *kebruneian* yang terkandung dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja. Dalam falsafah Melayu Islam Beraja terkandung sifat-sifat yang beridentitikan kebruneian iaitu:

- Kuat beragama sebagai cara hidup dan kehidupan iaitu ajaran dan amalannya dikawal oleh undang-undang dan peraturan negara.
- Cinta kepada negara dan tanah air.
- Kasih dan taat yang tidak berbelah bagi kepada raja menjadi kewajipan yang turun temurun.
- Berbangga menggunakan dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai jiwa bangsa dan bahasa rasmi.
- Mengamalkan nilai lohor budaya Melayu yang terpuji dan berteraskan Islam.
- Mematuhi adat yang tidak bercanggah dengan *syara'* sebagai pancaran daripada keperibadian bangsa Brunei.
- Bekerja keras dengan penuh ikhlas, berdisiplin dan berdidikasi dan,
- Bertindak, bergaul, bertutur, berpakaian dan berkarya dalam batas-batas yang sesuai dengan kehendak budaya Melayu dan ajaran Islam.

*(Lihat Kertas Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, hlm. 7.*

Menyentuh falsafah Melayu Islam Beraja, mari kita ikuti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah sempena sambutan Maulidin-Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 12 Rabiul Awwal, 1411, bersamaan 1 Oktober, 1990. Titah Baginda:

Sebagai bangsa Melayu, kewajipan kita ialah memelayukan segala tingkah laku dan perangai kita, penuh dengan sopan santun, hormat menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, belas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua, tergambar atau terpapar pula pada pakaiannya, pada cara bergaulnya, cara berfikir dan bertindaknya. Jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang. Kerana keempat-empat unsur ini, apabila sudah melebihi cara orang itu, nanti Brunei bukan lagi Brunei. Inilah yang kita tidak mahu.

Demikian juga Islam. Islam itu agama yang tinggi, agama yang kita akui sebagai agama yang benar. Rasullullah di utus adalah untuk membawa agama ini untuk disampaikan kepada sekalian umat manusia. Diantara ajaran agama Islam itu ialah menuju kesempurnaan akhlak, sebagaimana yang kita sudah memahami maksud sebuah hadith Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa baginda diutus ialah untuk menyempurnakan akhlak.

Jadi yang utama dalam agama itu ialah akhlak. Akhlak itu sama dengan cara hidup zahir dan batin. Sebab itu ianya perlu diutamakan. Bukanlah akhlak itu dalam majlis adat istiadat sahaja, bukan di dalam masjid sahaja, bukan di dalam pejabat sahaja, tetapi di mana-mana jua di pasar-pasar dan di tempat-tempat permainan. Semuanya itu kita orang-orang Melayu dan orang-orang Islam adalah dikehendaki beradab dan berakhhlak dengan akhlak Melayu dan Islam. Ini tidak, setengah orang kita, hanya di masjid dan di majlis-majlis beristiadat sahaja mereka berakhhlak, sementara di tempat-tempat lain, lebih-lebih lagi di tempat-tempat permainan, mereka tidak memakai akhlak Melayu dan akhlak Islam. Mereka seolah-olah melupakan tuhan dan lupakan Islam. Inilah suatu tragedi bangsa yang mesti diatasi.

Di antara akhlak yang sangat keji dan tidak senonoh itu ialah perbuatan meminum minuman keras. Ianya boleh dilakukan oleh sesiapa jua dari berbagai peringkat di kalangan orang. Ada yang meminumnya kerana kegemaran dan tabiat, sementara sesetengahnya pula kerana kemegahan, kononnya minuman itu ialah minuman orang-orang kenamaan dan minuman antarabangsa. Walhal semuanya itu hanyalah menggambarkan pemikiran yang cetek dan bukan asli Brunei.

.....

Akhir sekali dari eleman konsep MIB ialah “*Beraja*”. Beraja sama erti bersultan. Jadi tafsiran MIB itu ialah Brunei Darussalam sebuah negara Melayu yang bersultan. Hal ini terjadi bukanlah dari usaha dan ciptaan kita tetapi ialah kehendak daripada Allah. Kita tidak boleh tanya mengapa, tetapi patut bersyukur dan sambil itu berbuat sesuatu untuk kemantapan dan ketahanannya (Lihat *Himpunan Titah 1967-1996*, hlm.312-313)

Dalam majlis pertandingan membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada 28 Jamadilakhir 1411 bersamaan 14 Januari 1991. Baginda bertitah pula, antaranya:

Maka demikianlah halnya dengan nilai-nilai yang ada pada kita. Kita ambil satu contoh nilai yang paling agung dan tertinggi iaitu “Konsep Melayu Islam Beraja”. Ia tidak syak lagi merupakan benih satu-satunya yang boleh tumbuh dengan suburnya di bumi Brunei Darussalam. Kerana dari sifat-sifat semula jadinya menunjukkan bahawa ianya memang benih yang asli, yang sudah sedia wujud dan ditakdirkan oleh Allah untuk Brunei Darussalam. Daripadanya akan terpancar segala kebijakan yang kita perlukan. Ialah panduan tata negara kita, bahawa dari tafsirannya dan huraiannya yang meletakkan kita di barisan

negara-negara yang bukan sekular yang mempunyai identiti dan imej tersendiri yang teguh (Lihat *Himpunan Titah 1967-1996*, hlm 320).

Mengenai fahaman Ahlissunnah Waljamaah yang menjadi teras di dalam falsafah pendidikan kita, baginda menyentuh ketika bertitah di Majlis Penyampaian Anugerah Masjid Terpilih sempena sambutan Isra' Mikraj pada 27 Rejab 1411 bersamaan 12 Februari 1991, Titah baginda:

Disamping itu satu perkara lagi yang paling mustahak beta sebutkan disini ialah mengenai dengan dasar-dasar ajaran agama Islam yang kita amalkan selama ini perlulah dipastikan ianya berjalan dengan kukuh dan baik. Pegangan kita yang kuat itu ialah menurut "Akidah Ahlissunnah Waljamaah semata-mata" (Lihat *Himpunan Titah 1997-1996*, hlm 326-327).

K.H Sirajuddin Abas mengatakan bahawa kaum *Ahlissunnah Waljamaah* ialah kaum yang menganut *i'tiqad* sebagaimana *i'tiqad* yang dianut oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dan sahabat-sahabat baginda. *I'tiqad* Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat-sahabat baginda itu telah termaktub dalam Al-Quran dan sunnah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Cuma ianya belum tersusun secara rapi dan teratur, tetapi kemudian ianya dikumpulkan dan dirumuskan dengan rapi oleh seorang ulamak Usuluddin yang besar iaitu Syeikh Abu Hassan Al-Asy'ari (K.H. Sirajuddin Abas, 1988:16).

Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abd Aziz (Bekas Mufti Kerajaan Brunei Darussalam) pernah menulis mengenai kesederhanaan *i'tiqad* Ahlissunnah Waljamaah, katanya:

Dasar-dasar *i'tiqad* Ahlissunnah Waljamaah bersifat sederhana yang diisi dari perjalanan dan amalan Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan perjalanan para sahabat baginda Radhiallahu 'anhuma lalu menjadi ikutan di dunia dari dahulu hingga sekarang.

Dasar-dasar itu selaras dengan pertimbangan akal yang waras dan dengan dalil-dalil *naqli* atau *sam'i* (Al-Quran dan Al-Hadith) sebagaimana firman Allah Taala:

وَكُذُلْكَ جَعَنَّكُمْ أَمَةٌ وَسَطَا لِتَكُونُوا شَهِداً عَلَى النَّاسِ وَيَكُونُ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ  
شَهِيداً

Maksudnya: Dan demikianlah (Sebagaimana kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus) kamijadikan kamu (Wahai umat Muhammad) suatu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Dan Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula akan menjadi

**orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu (Surah Al-Baqarah, Ayat 146).**

Jelaslah dari ayat Al-Quran ini bahawa bersikap melampau atau keterlaluan adalah perbuatan keji sebagaimana yang dilakukan oleh puak Bid'ah, puak yang mengikut hawa nafsu dan sesuka hati. Di antara mereka ada yang melebihkan akal dan menolak hadith-hadith. Ada yang tidak menggunakan akal yang waras lalu menerima saja apa yang sampai atau yang didengar olehnya walaupun berlawanan dengan ‘*aqal* dan *naqal*. Dalam keterlaluan itu ada yang terlampaui ke kiri dan ada yang terlampaui ke kanan, puak-puak yang terlampaui menggunakan akal, terlampaui membenarkan segala riwayat dan khabar yang keterlaluan ke kanan dan keterlaluan ke kiri itu termasuk di bawah amaran Allah Taala, firmanNya:

**وَهُذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقُ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَاحِبُمْ بِهِ لَعْنَكُمْ تَتَقَوَّنُ**

**Maksudnya:** Bahawa ini jalanku yang lurus (Jalan Allah) maka ikutlah akan dia dan jangan ikut berbagai-bagai jalan yang lain nanti menyimpang dari jalanku itu. Itulah dia pesan Allah Taala kepada kamu supaya kamu takutkan azab Allah (Surah Al-An'am, Ayat 153). ( Lihat Pehin Dato Hj Ismail bin Omar Abd Aziz, 1986:48-50).

**8. Tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan pada agama, raja dan negara Brunei Darussalam.**

Sebagai suatu proses yang berterusan, pendidikan diharapkan akan dapat mendidik semua warga Brunei daripada generasi muda hingga dewasa. Bagi warga muda, pendidikan adalah tapak kepada wujudnya ketaatan kepada agama, raja dan negara. Manakala bagi generasi dewasa, pendidikan diharatkkan akan mengukuhkan pula ketaatan dan kesetiaan berkenaan ( Lihat kertas Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, hlm.8).

Dengan lain perkataan, falsafah Melayu Islam Beraja yang mana Islam menjadi terasnya, menurut aliran Ahlissunnah Waljamaah itu adalah menjadi asas yang kuat sebagai tapak pertumbuhan dan menjana dengan subur dan kuatnya kehidupan beragama, berbangsa, beraja dan bernegara. Hal yang sedemikian ini telah dan Insya Allah akan menjadikan Brunei sebuah negara kesultanan Melayu Islam yang unik di rantau ini di hormati dan di galati.

## KESIMPULAN

Pada akhirnya kita dapat mengatakan bahawa kekuatan falsafah pendidikan negara kita adalah kerana ia berpijak di bumi nyata berdasarkan realiti kehidupan kita sebagai umat Islam yang mendukung Al-Quran al- Karim dan Al Sunnah dan mengkuti aliran Ahlissunnah Waljamaah yang sederhana. Falsafah pendidikan negara kita ini bukan tercipta di awang-awangan atau di alam khayalan, sebaliknya adalah pancaran dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, dari Watiqah Permasyahoran Kemerdekaan negara kita, dari Falsafah Negara kita, dari sikap dan pandangan raja kita Kebawah Dulu Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan ayahanda baginda iaitu Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien.

Falsafah pendidikan negara kita ini jika dihayati dan di implemintasikan sepenuhnya Insya Allah akan dapat menyelamatkan agama kita, bangsa kita, raja kita dan negara kita dari sebarang anasir negatif yang tidak diingini sebaliknya akan memacu kita ke hadapan dan membangun dalam segala bidang kehidupan dan lapangan ekonomi, sains, kejuruteraan, perhubungan, pembinaan dan lain-lainnya kerana falsafah itu tidak sedikit pun menghalang kemajuan duniawi juga tidak menghalang untuk kita menunaikan kewajipan ukhrawi sebagaimana kata-kata hikmat ada menyatakan: *Bekerjalah kamu bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan bagi dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beribadah lah kamu bagi akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati esok hari.* Ini bermakna duniawi dan ukhrawi itu tidak terpisah atau tidak boleh dipisahkan sama sekali. Bukti ini adalah jelas bahawa kejayaan umat Islam pada zaman kegemilangannya dahulu adalah kerana mereka mahu cemerlang di dunia dan di akhirat kerana itu mereka kuat bekerja, kuat beibadat dan tidak takut menghadapi sebarang *risiko*. Tetapi apabila kecintaan mereka lebih kepada nikmat dunia semata-mata itulah yang membawa mereka lemah dan akhirnya ditelan oleh bangsa lain.

## RUJUKAN

1. Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. *Falsafah Pendidikan Negara Brunei Darussalam dan Matalamat Pendidikan Negara Brunei Darussalam.*
2. *Himpunan Titah 1967-1996.* Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
3. Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. *Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan (1984-2003) dan Perancangan 20 Tahun Akan Datang (2004-2024).*
4. Peñin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Hj. Ismail bin Omar Abd Aziz. *Ringkasan Akidah Ahlisunnah Waljamaah (I).* Brunei : Pusat Dakwah Islamiah 1986.
5. Dr. Teuku Iskandar. *Kamus Dewan.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
6. *Dokumen-Dokumen Perlembagaan negara Brunei Darussalam.*
7. Syekh Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Islam 1988.
8. Pengiran Dato Seri Setia Dr. Hj Mohammad bin Pengiran Hj Abd Rahman. *Intisari Aliran Ahlisunnah Waljamaah dan Kesan-Kesannya di Brunei Darussalam.* Naskah yang belum terbit.
9. K.H Sirajuddin Abas. *I'tiqad Ahlissunnah Waljamaah.* Kelantan: Pustaka Aman Press. Cetakan ke 5, 1988.
10. Dr. Muhammad Said Naim dan Dr. 'Iwadhullah Jad Hijazi. *Al- Falsafah Al- Islamiah Wasilatuha Bil Falsafati Al- Yunaniyah.* Kahirah:Dar Al-Tibaah Al- Muhammadiyyah, 1999.